



# PLUS MALAYSIA BERHAD

## POLISI HAK ASASI MANUSIA



# KANDUNGAN

---

## PENGENALAN

1. TUJUAN
2. PANDUAN, RUJUKAN DAN SKOP

## KENYATAAN POLISI HAK ASASI MANUSIA

1. SUMBER MANUSIA
2. KESIHATAN DAN KESELAMATAN
3. SUSUNAN KESELAMATAN FIZIKAL
4. INTEGRITI PERNIAGAAN
5. KESAN TERHADAP KOMUNITI
6. KONTRAKTOR DAN RANTAIAN BEKALAN
7. KUALITI PRODUK DAN AMALAN PEMASARAN


## PELAKSANAAN

### KAMI DI SINI UNTUK ANDA

### TUJUAN

Misi kami di PLUS Malaysia Berhad (PMB) adalah menghubungkan komuniti untuk mencorakkan masa hadapan yang selamat dan lestari. Untuk mencapai matlamat ini, kami komited untuk menjalankan perniagaan dan operasi kami dengan penuh tanggungjawab terhadap alam sekitar dan sosial serta mengekalkan amalan tadbir urus yang baik.

Sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab dari segi sosial, kami berusaha untuk memacu dan menegakkan prinsip hak asasi manusia secara konsisten, dengan matlamat untuk menerapkan prinsip ini ke seluruh ekosistem kami. Oleh itu, kami telah membangunkan Polisi Hak Asasi Manusia ini untuk menyampaikan prinsip hak asasi manusia kami selaras dengan tujuh dimensi seperti gambar rajah di bawah:



### PANDUAN DAN RUJUKAN

Polisi ini dibangunkan selaras dengan panduan yang berikut:

1

Garis panduan amalan baik antarabangsa, termasuk Rang Undang-Undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Deklarasi Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mengenai Prinsip Asas dan Hak di Tempat Kerja

2

Undang-undang tempatan dan keperluan kawal selia, termasuk Akta Pekerjaan Malaysia 1955

3

Amalan syarikat lebuhraya tempatan dan antarabangsa, syarikat berkaitan kerajaan dan organisasi yang terkenal dengan amalan hak asasi manusia

4

Jangkaan daripada pihak berkepentingan utama PMB, mengambil maklum balas daripada Penilaian Risiko Hak Asasi Manusia ("Human Rights Risk Assessments")

5

Polisi, prosedur dan garis panduan PMB sedia ada

### SKOP BERKAITAN

#### KAKITANGAN PMB



- Polisi ini terpakai kepada Lembaga Pengarah PMB (eksekutif dan bukan eksekutif) dan kakitangannya (tetap dan kontrak), tanpa mengira jawatan atau peranan mereka
- Semua kakitangan mesti mematuhi Polisi ini, polisi, prosedur dan proses PMB yang lain serta semua undang-undang yang terpakai dalam pekerjaan

#### RAKAN USAHASAMA PMB



- Polisi ini terpakai kepada rakan usahasama PMB, termasuk vendor, kontraktor, sub-kontraktor, konsultan, ejen, wakil, penyewa dan perantara lain yang menjalankan kerja atau perkhidmatan, untuk dan bagi pihak PMB
- Semua kakitangan, tanpa mengira jawatan atau peranan mereka, bertanggungjawab menyampaikan Polisi ini kepada Rakan Usahasama mereka

#### SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DENGAN PMB



- Polisi ini terpakai kepada semua pihak yang sedang terlibat dengan PMB atau berniat untuk melibatkan diri dengan PMB pada masa akan datang
- PMB akan menggunakan pengaruhnya secara baik supaya pihak yang terlibat memahami dan melaksanakan polisi dan prosedur yang serupa dengan PMB



# 1. SUMBER MANUSIA

Kenyataan polisi PMB di bahagian ini adalah seperti berikut:



## BURUH PAKSA, TERIKAT DAN KANAK-KANAK

Kami tidak membenarkan **buruh paksa, terikat atau kanak-kanak** dalam perniagaan dan operasi kami.



## KEPELBAGAIAN DAN MENYELURUH

Kami percaya kepada amalan pengambilan yang **saksama** berdasarkan keperluan perniagaan dan operasi kami.

Kami secara berterusan mempromosi **kepelbagaian tenaga kerja** dan menerapkan **tempat kerja yang inklusif**.



## ANTI-DISKRIMINASI

Kami berusaha untuk melindungi kakitangan kami daripada **semua bentuk diskriminasi** (termasuk terhadap jantina, bangsa, etnik dan keupayaan fizikal) di seluruh perniagaan dan operasi kami.



## GANGGUAN DAN BULI

Kami tidak bertoleransi dengan sebarang bentuk **gangguan dan buli**. Kami berhak untuk **melindungi kakitangan kami daripada perbuatan gangguan dan buli** yang dilakukan oleh kakitangan lain, pelanggan dan semua pihak yang berurusan dengan kami.

Kami menganggap gangguan sebagai sebarang kelakuhan yang tidak diingini bersifat seksual atau bukan seksual. Jenis gangguan termasuk gangguan fizikal, lisān dan bukan lisān, iaitu:

- i. Gangguan fizikal, contoh; menyentuh individu tanpa persetujuan, serangan ganas seperti memukul, menolak, memusnahkan harta benda individu, dan sebagainya.
- ii. Gangguan lisān, contoh; kenyataan, komen, jenaka, bunyi yang tidak sesuai, menyinggung perasaan atau tidak senonoh, dan sebagainya.
- iii. Gangguan bukan lisān/ gerak isyarat, contoh;. melirik atau menjeling dengan nada yang tidak senonoh, dan sebagainya..

Kami mentakrifkan buli sebagai sebarang perbuatan yang membawa kepada ketakutan, ancaman, emosi, fizikal atau kecederaan psikologi. Ini juga termasuk buli siber.



## KEBEbasan BERPERSATUAN DAN PERSETUJUAN BERSAMA

Kami mengiktiraf hak **kebebasan berpersatuān dan persetujuan bersama**.



## 1. SUMBER MANUSIA

Kenyataan polisi PMB di bahagian ini adalah seperti berikut:



### MEKANISME RUNGUTAN

Kami amat menggalakkan laporan kes kelakuan tidak wajar (dilakukan atau hampir dilakukan) tanpa rasa takut akan tindakan balas.

Kami percaya dalam menyediakan **mekanisme rungutan** yang sesuai untuk kakitangan kami, pelanggan dan pihak yang terlibat untuk bekerjasama bagi menyuarakan keimbangan hak asasi manusia.



### LAYANAN TERHADAP PEKERJA ASING

Kami percaya pada **layanan yang adil terhadap pekerja asing**.



### GAJI, FAEDAH, WAKTU BEKERJA, TEMPOH REHAT DAN CUTI

Kami percaya dalam menyediakan **gaji dan faedah yang saksama** kepada kakitangan kami, berdasarkan undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Ini termasuk **kesesuaian tempoh waktu bekerja, tempoh rehat dan cuti**.

## 2. KESIHATAN DAN KESELAMATAN



Kenyataan polisi PMB di bahagian ini adalah seperti berikut:



### PERHATIAN TERHADAP KAKITANGAN YANG BERKEPERLUAN

Kami prihatin terhadap **keperluan kakitangan yang berkeperluan** dan berhasrat menyediakan kemudahan dan bantuan yang sesuai.

Kakitangan yang berkeperluan termasuk ibu mengandung atau menyusu dan orang kurang upaya.



### PERALATAN KEMUDAHAN DAN PERSEKITARAN KERJA\*

Kami komited untuk menyediakan **persekitaran kerja yang sihat dan selamat** untuk kakitangan kami, pelawat dan pihak yang terlibat untuk bekerja di premis kami.



### LATIHAN DAN KOMUNIKASI KESIHATAN DAN KESELAMATAN\*

Kami percaya dalam menyediakan **latihan kesihatan dan keselamatan, berkomunikasi dan memberi kesedaran yang mencukupi** kepada kakitangan kami, pelawat dan pihak yang terlibat bekerja dengan premis kami, dengan matlamat untuk terus membina budaya kesihatan dan keselamatan yang lestari.

\*Sila rujuk Polisi HSSE PMB yang disediakan di laman web Syarikat.



### 3. SUSUNAN KESELAMATAN FIZIKAL

Kenyataan polisi PMB di bahagian ini adalah seperti berikut:



#### POTENSI PENYALAHGUNAAN KUASA OLEH KAKITANGAN KESELAMATAN

Kami percaya dalam melaksanakan langkah-langkah yang perlu untuk mengelakkan penggunaan kuasa yang tidak wajar **oleh kakitangan keselamatan**.

### 4. INTEGRITI PERNIAGAAN

Kenyataan polisi PMB di bahagian ini adalah seperti berikut:



#### ANTI-RASUAH DAN KORUPSI

Kami mengamalkan toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah dan korupsi. Kami akan terus berpegang kepada prinsip **anti-rasuah dan korupsi** sepanjang perniagaan dan operasi kami.

\*Sila rujuk *Panduan Anti-Rasuah dan Korupsi PMB (ABAC)* dan *Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi (OACP)* yang disediakan di laman web Syarikat.

### 5. KESAN TERHADAP KOMUNITI

Kenyataan polisi PMB di bahagian ini adalah seperti berikut:



#### PENGLIBATAN DAN PERUNDINGAN KOMUNITI

Kami berusaha untuk memupuk dan membangunkan komuniti yang tinggal di sepanjang jajaran lebuhraya kami melalui **program penglibatan dan program kidmat masyarakat**.

Kami berhasrat untuk menyediakan peluang pekerjaan dan perniagaan yang pelbagai, saksama dan inklusif.



#### KESAN ALAM SEKITAR TERHADAP KOMUNITI

Kami berhasrat untuk mewujudkan **impak positif terhadap alam sekitar dan sosio-ekonomi** untuk komuniti di tempat kami beroperasi.



#### KESAN BURUK TERHADAP KEHIDUPAN BUDAYA, KEROHANIAN DAN KEAGAMAAN SERTA SENSITIVITI TERHADAP ORANG ASLI

Kami mengiktiraf dan menghormati **kepelbagaiannya, budaya, agama, warisan sejarah** dan nilai kemanusiaan dalam komuniti tempat kami beroperasi, termasuk menghormati sensitiviti dan hak **Orang Asli**.



## 6. KONTRAKTOR DAN RANTAIAN BEKALAN

Kenyataan polisi PMB di bahagian ini adalah seperti berikut:



### PROMOSI HAK ASASI MANUSIA DAN PIAWAIAN BURUH

Kami berhasrat agar semua pihak yang berurusan dengan kami dan dalam **ekosistem rantaiān bekalan kami untuk menegakkan hak asasi manusia dan piawaian buruh** selaras dengan undang-undang dan peraturan terpakai di mana mereka beroperasi.

Ini mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada berikut:

- i. Melarang pekerja kanak-kanak dan buruh paksa/ terikat;
- ii. Layanan adil terhadap pekerja asing;
- iii. Ganjaran dan faedah yang adil bagi pekerja termasuk, waktu kerja, tempoh rehat dan cuti yang sesuai;
- iv. Mekanisme rungutan dan saluran pelaporan yang mencukupi untuk menyuarakan kebimbangan tanpa rasa takut akan tindak balas;
- v. Persekitaran yang sihat dan selamat di tempat kerja dan premis;
- vi. Melarang segala bentuk rasuah dan korupsi;
- vii. Mengurangkan kesan negatif alam sekitar dan sosial;
- viii. Melindungi data peribadi; dan
- ix. Memasarkan produk dan perkhidmatan secara beretika dengan cara adil dan saksama.

Pihak yang terlibat dalam rantaiān bekalan kami termasuk vendor, kontraktor, sub-kontraktor, konsultan, ejen, wakil, penyewa, dan perantara lain yang menjalankan kerja atau perkhidmatan, untuk dan bagi pihak PMB.

## 7. KUALITI PRODUK DAN PEMASARAN



Kenyataan polisi PMB di bahagian ini adalah seperti berikut:



### PRIVASI DATA PERIBADI

Kami mengekalkan kawalan dan klasifikasi yang berkesan ke atas **privasi data peribadi** untuk memelihara kerahsiaan dan integriti data sepanjang kitaran hayatnya. Kami berhasrat untuk memastikan semua data, digital dan fizikal terjamin serta dilindungi daripada ancaman dalam dan luaran.



### PEMASARAN BERETIKA, PERKHIDMATAN DAN PRODUK YANG ADIL DAN TANPA DISKRIMINASI

Kami berhasrat untuk memasarkan produk dan perkhidmatan kami **secara adil dan beretika** mengikut peraturan dan piawaian yang ditetapkan.

Sila rujuk Polisi dan Panduan Keselamatan Maklumat (ISPG) PMB untuk Kakitangan PMB dan di laman web Syarikat untuk Pihak Ketiga.

## PELAKSANAAN

Kami berhasrat untuk menegakkan amalan Hak Asasi Manusia yang baik dan menyedari bahawa ini adalah penambahbaikan berterusan yang perlu kami lakukan bersama-sama dengan semua rakan kongsi dalam ekosistem kami.

Untuk mencapai matlamat ini, kami mensasarkan untuk melaksanakan langkah-langkah sesuai untuk meningkatkan kesedaran tentang prinsip hak asasi manusia dengan melaksanakan aktiviti berikut bagi memastikan pelaksanaan Polisi ini berjaya dan berterusan:



- Membangunkan dan melaksanakan prosedur dan garis panduan hak asasi manusia yang mencukupi
- Menjalankan semakan berkala terhadap Polisi Hak Asasi Manusia PMB, prosedur dan garis panduan sokongan



- Menjalankan Penilaian Risiko Hak Asasi Manusia dan pemeriksaan secara berkala untuk mengenal pasti dan menangani bidang berisiko tinggi dalam perniagaan dan operasi kami dengan berkesan



- Laporan berkala mengenai aktiviti hak asasi manusia melalui pelbagai laporan luaran, cth. Laporan Kelestarian, serta kepada Lembaga Pengarah kami



- Komunikasi dalaman dan luaran yang berterusan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menegakkan prinsip hak asasi manusia, termasuk pembinaan kapasiti

## GOVERNANS, INTEGRITI DAN KELESTARIAN



### Bagaimana kami boleh membantu anda?

Nyatakan isu anda

Anda boleh bertanya dan berbincang berkenaan Polisi ini dengan Pengurus/ Ketua Fungsi/ Ketua Bahagian anda, Perhubungan Sumber Manusia atau GIS.

Walau bagaimanapun, sekiranya anda memerlukan penjelasan lanjut mengenai Polisi ini, sila hubungi GIS di [sustainability@plus.com.my](mailto:sustainability@plus.com.my) atau boleh berhubung terus dengan ahli GIS.

PMB mempunyai hak untuk meminda Polisi Hak Asasi Manusia ini pada bila-bila masa.